

PAS beri amaran, DAP jangan ganggu Selangor
Malaysian Insider
Nov 24, 2015

Selepas berlakunya huru-hara di Pualu Pinang, PAS memberi amaran kepada DAP untuk tidak mencetuskan perkara sama di Selangor dengan menggesa Mohamed Azmin Ali mengiktiraf kerajaan Pakatan Harapan, lapor akhbar Sinar Harian.

Setiausaha PAS Selangor Mohd Khairuddin Othman menegaskan, mereka menyokong pendirian menteri besar dalam segala isu pentadbirannya.

"Di Selangor kita ada cara sendiri dan menteri besar mendapat sokongan semua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pakatan Rakyat (PR) iaitu PAS dan PKR termasuk juga DAP.

"PAS Selangor menyokong pendirian tegas menteri besar dalam isu pentadbiran dan PR," katanya seperti dilaporkan akhbar berbahasa Melayu itu.

Kongres Kebangsaan Pemuda DAP 2015 pada Ahad menyatakan kekecewaannya terhadap Azmin kerana tidak mengiktiraf Pakatan Harapan.

Sementara bekas pesuruhjaya PAS Selangor, Dr Abdul Rani Osman kecewa dengan tindakan tergopoh-gapah DAP itu yang disifatkannya sebagai tamak haloba dan secara terang-terangan gila jawatan.

"Pimpinan kerajaan negeri yang ada sekarang ini menang PRU13 atas tiket parti PR, kenapa nak rampas?

"DAP dan Amanah nampak sangat kejar habuan, sebab itu keluar kenyataan tak fikir panjang. Kenyataan tak matang seperti ini akan buat rakyat fikir 2 kali untuk undi komponen parti yang berpecah pada pilihan raya akan datang," katanya.

Sambil menyuarakan kekecewaannya, Dr Rani turut berkata beliau kecewa dengan sikap DAP yang tidak menerima hakikat.

"Sebab itu PAS tidak akan teragak-agak untuk letakkan calon di kerusi yang ditandingi DAP pada PRU14 nanti.

"Jangan marah jika PAS bertanding di kawasan DAP mereka gertak kita dahulu nak cabar 8 kerusi PAS," katanya seperti dilaporkan Sinar Harian. – 24 November, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-beri-amaran-dap-jangan-gangu-selangor>